

01/04/1997

Tiada surat susulan kepada PM

KUALA LUMPUR, Isnin - Seorang setiausaha sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) memberitahu Mahkamah Majistret di sini hari ini, tiada surat susulan dihantar kepada Perdana Menteri untuk menyatakan surat terdahulu mengenai layanan buruk terhadap pendatang asing di kem tahanan Langkap, Perak adalah tidak benar.

Setiausaha Persatuan Pendidikan dan Penyelidikan Pengguna-Pengguna Perak (ERA) S Vejayan berkata, dia juga tidak mengadakan persidangan akhbar untuk menerangkan bahawa surat bantahan yang ditulisnya itu adalah tidak berasas.

Vejayan berkata, dia telah menulis surat kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 2 Ogos, 1995 membantah mengenai penempatan beberapa tahanan di Kem Langkap di Hospital Bahagia.

Bagaimanapun Vejayan, 40, yang bekerja sebagai pembantu perubatan Hospital Ipoh, berkata dia akan meminta peguam persatuan supaya menghantar surat kepada Dr Mahathir untuk menyatakan bahawa surat bantahan itu adalah tidak benar.

Saksi itu, iaitu saksi pendakwa ke-14 menyambung keterangannya hari ini dalam pemeriksaan semula oleh Timbalan Pendakwa Raya (TPR) Stanley Clement Augustin dalam kes perbicaraan pengarah Tenaganita Sdn Bhd, Irene V.M. Fernandez.

Fernandez didakwa menerbitkan memorandum palsu bertajuk Abuse, Torture and Dehumanised Treatment of Migrant Workers at Detention Camps (Penderaan, Penganiayaan dan Layanan Tidak Berperikemanusiaan Terhadap Pekerja Pendatang Asing di Kem-kem Tahanan).

Fernandez, 50, dituduh melakukan kesalahan itu di pejabat Tenaganita Sdn Bhd, No. 28C, Tingkat 3, Lorong Bonus Enam, Jalan Masjid India di sini, pada Ogos 1995.

Dia didakwa mengikut Seksyen 8A(1) Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 dan boleh dihukum penjara maksimum tiga tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Ketika menjawab soalan lain, Vejayan berkata beliau tidak mendapatkan penjelasan dari Hospital Bahagia Langkap mengenai kebenaran faks yang diterima sebelum menulis surat bantahan kepada Perdana Menteri.

Terdahulu, ketika disoal peguambela M.Puravalen yang mewakili Fernandez, pegawai imigresen Abdul Rahim Endut, 40, berkata Jabatan Imigresen menerima laporan mengenai lapan kematian pendatang asing Kem Semenyih di hospital. Antara punca kematian adalah serangan penyakit jantung.

Perbicaraan di hadapan Majistret Juliana Mohamed disambung esok. -
Bernama

(END)